



# KERATAN AKHBAR



Harian Metro | Khamis 23.01.2020

@hmetro | HarianMetro | @hmetro | www.hmetro.com.my A15

addin

## NAFKAH ANAK

# Bapa wajib tanggung



**KEMUSYKILAN SYARIAH**  
Bersama  
Surlany Awaludin



alam puan. Saya menghadapi masalah untuk menuntut nafkah anak selepas saya dan bekas suami bercerai. Saya ingin meminta penjelasan bagaimana seorang bekas isteri mahu menuntut nafkah anak yang dalam penjagaannya memandangkan bekas suami bersikap lepas tangan dan tidak mahu ambil peduli?

Mahkamah akan membuat penilaian dari kadar nafkah yang dituntut dengan kemampuan bapa selaku pembayar

Nafkah bermaksud pembekalan keperluan hidup bagi seseorang. Manakala menurut syarak pula nafkah adalah keperluan untuk makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal kepada orang yang wajib diberi nafkah atau yang berada di bawah tanggungan seseorang.

Nafkah juga termasuk segala keperluan yang dinyatakan di atas untuk diri sendiri. Dari segi kewajipan memberi nafkah itu kerana adanya hubungan kerabat atau ahli keluarga. Menurut Mazhab Syafie nafkah bagi kerabat itu adalah ibu bapa hingga ke atas dan anak hingga ke bawah. Oleh itu suatu yang tidak boleh dipertikaikan seorang bapa wajib menanggung nafkah anaknya semenjak anak itu lahir hingga hilang kelayakan anak itu terhadap nafkah daripada bapanya.

Peruntukan undang-undang berkenaan nafkah ada dinyatakan mengikut Seksyen 73, Undang-Undang Keluarga Islam

Negeri iaitu: Seksyen 73(1) "kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka menjadi kewajipan seseorang lelaki untuk menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada di dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pendidikan sebagaimana yang munasabah memandangkan kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya."

Dengan adanya peruntukan ini, menjadi sumber undang-undang yang diamalkan di Malaysia khususnya bagi orang Islam untuk mengetahui siapa yang wajib menyara nafkah anaknya. Sama ada anak terbahit dalam jagaan ibu atau bapanya, segala keperluan untuk anak terbahit menyara hidup wajib ditanggung hingga anak terbahit mampu menyara hidupnya sendiri.

Justeru, bagi ibu yang menjaga anaknya, ibu perlu bertindak bagi pihak anaknya yang kecil menuntut nafkah dari bapa atau bekas suaminya.

Tuntutan itu dibuat di mana-mana Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa dan berhampiran dengan tempat tinggal ibu dan anak berkenaan. Dalam menuntut nafkah anak, ibu perlu melengkapkan dokumen yang boleh menyokong mengenai jumlah nafkah yang ingin dituntut seperti bil pembayaran bulanan anak, perbelanjaan makan, minuman, pakaian dan lain-lain keperluan diri dan pendidikan anak.

Mahkamah akan membuat penilaian dari kadar nafkah yang dituntut dengan kemampuan bapa selaku pembayar. Setiap orang anak perlu disediakan keperluan yang munasabah yang terdiri dari pakaian, makanan, minuman, keperluan tempat tinggal, pendidikan dan perubatan.

Begitu faktor taraf kehidupan dan persekitaran yang menjadi kelaziman di tempat anak berkenaan tinggal akan menjadi kayu ukur mengapa kadar nafkah anak di tetapkan sedemikian. Oleh itu, semua fakta yang menyokong mengenai mengapa nafkah itu perlu disediakan, berapa jumlahnya, mampukah bapanya untuk membayar, perlu disediakan dan dinyatakan oleh ibu dalam tuntutan.

Selain fakta menyokong, dokumen yang ada itu akan menjadi bukti yang bakal diambil kira oleh mahkamah. Ketiadaan bukti yang menyokong akan memberi kesan terhadap tuntutan nafkah terutama isu kadar nafkah anak terbahit.

Tuntutan nafkah anak ini boleh dibuat oleh ibu pada bila-bila masa. Malah, dalam tempoh perkahwinan dan proses bercerai, nafkah anak ini boleh dituntut.

Sebagaimana mengikut Seksyen 74, Undang-Undang Keluarga Islam Negeri; mahkamah boleh pada bila-bila masa, memerintahkan seseorang bapa untuk membayar nafkah anaknya - (a) jika dia enggan atau cuai mengadakan peruntukan nafkah dengan munasabah bagi anak dan/atau isterinya; (b) jika dia meninggalkan langsung isterinya; dan anaknya itu adalah dalam penjagaan isterinya; (c) dalam

**AL-HAQ**  
Sehari sepotong ayat

"Dan Allah menjadikan bagimu jodoh (isteri) daripada dirimu (bangsa) dan menjadikan anak-anak dan cucu-cucu daripada isterimu itu serta memberikan kamu rezeki yang baik-baik. Apakah mereka percaya kepada yang batil (tidak benar) dan ingkar akan nikmat Allah?"  
(Surah an-Nahl, ayat 72)

masa menanti keputusan sesuatu perceraian hal ehwal suami isteri di mahkamah; atau (d) apabila membuat atau selepas daripada membuat suatu perintah meletakkan anak itu dalam jagaan seseorang lain. Oleh itu, bapa bertanggungjawab memberi semua jenis nafkah kepada anaknya sama ada lelaki atau perempuan.

Jika mereka tidak mempunyai bapa, maka datuk wajib mengambil alih tanggungjawab itu dan begitu seterusnya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT: Yang bermaksud: "...jika mereka menyetujui anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; Surah al-Talaq (6).

>>>Penulis adalah peguam syarie

## TINTA HIKMAH

# Mengharmonikan rumah tangga



Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki



aktor tiada persefahaman dan masalah kewangan antara pasangan menjadi antara punca utama masalah penceraian di Selangor. Berdasarkan rekod, 24,063 jumlah pendaftaran permohonan cerai kes diperoleh bagi tahun 2017 dan 2018 membabitkan pasangan Islam di negeri itu di tahap yang membimbangkan.

Mengambil faktor pertama iaitu tiada persefahaman, pastinya dalam menjalani bahtera rumah tangga, tidak dapat tidak setiap pasangan akan diuji dengan pelbagai ujian dan rintangan cinta yang terbina diakhirkan dalam

bentuk saling melengkapkan antara satu sama lain.

Konsep 'melaksanakan hubungan dengan penuh kasih sayang dan ma'ruf' antara suami dan isteri dalam sebuah keluarga wajar dipraktikkan. Apabila seseorang itu keluar dari zaman bujang dan berada dalam alam rumah tangga, pastinya akan bertemu dengan dua suasana yang sungguh berbeza.

Pertamanya terlihat pada diri kita sendiri dan kedua, pasangan kita yang mempunyai sifat yang lama ketika dia hidup keseorangan dahulu tiba-tiba memulakan perkongsian hidup dengan kita yang tidak pernah dia hidup bersama sebelum ini.

Oleh itu, jika perkara ini tidak ditangani dengan betul, pastinya akan berlaku kesukaran untuk menyesuaikan diri, mengharmonikan kehidupan

suami dan isteri sehingga wujudnya konflik rumah tangga.

Dalam sebuah hadis Riwayat At-Tabrani, ketika Saidina Ali meminang Saidatina Fatimah, Baginda SAW berpesan kepada dirinya dengan ungkapan: "Bellau (Fatimah) milikmu, tetapi berlaku baiklah terhadapnya."

Justeru, apabila pasangan berhadapan dengan sesuatu konflik, maka sebaik-baiknya memulakan dengan mencari jalan penyelesaian melalui perbincangan dan menyatakan secara jujur bagi menyelesaikan masalah berkenaan tanpa mencari kesalahan orang lain.

Allah SWT pernah memerintahkan kepada baginda SAW bertegas terhadap isteri baginda. Berdasarkan surah Al-Ahzab ayat 28, Allah SWT berfirman yang bermaksud "Hai Nabi, katakanlah kepada isterimu:

"Jika kamu sekalian menginginkan kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah supaya kuberikan kepadamu mut'ah dan aku ceraikan kamu dengan cara yang baik."

Menurut tafsiran Imam al-Maraghi, ayat ini menjadi dalil kepada baginda dan golongan suami agar bertegas dengan isteri sesuai dengan keadaan dan suasana. Selain itu, mengamalkan perbincangan dengan baik dan bertoleransi dalam urusan hal ehwal rumah tangga amat dituntut dalam agama.

>>>Penulis adalah penuntut Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pengajian Islam (Syariah), Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Komanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM)